

Bil. S 65

AKTA PASPORT
(PENGAL 146)

PERINTAH PASPORT (KAWASAN SEMPADAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-SARAWAK) (PENGEUALIAN), 2013

SUSUNAN PERENGKAN-PERENGKAN

Perenggan

1. Gelaran dan permulaan kuatkuasa.
2. Pengecualian.
3. Beban untuk membuktikan.

JADUAL – ORANG YANG DIKEUALIKAN

**AKTA PASPORT
(PENGAL 146)**

**PERINTAH PASPORT (KAWASAN SEMPADAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM-SARAWAK) (PENGEUALIAN), 2013**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh bab 4 dari Akta Pasport, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

Gelaran dan permulaan kuatkuasa.

1. Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Pasport (Kawasan Sempadan Negara Brunei Darussalam-Sarawak) (Pengecualian), 2013 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuatkuasanya pada 19hb Mac 2012.

Pengecualian.

2. Orang-orang yang dinyatakan dalam Jadual adalah dikecualikan dari bab 3, dengan syarat bahawa mereka mematuhi syarat-syarat sebagaimana yang mungkin diarahkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Beban untuk membuktikan.

3. Beban untuk membuktikan bahawa mana-mana orang adalah orang yang dikenakan perenggan 2 hendaklah terletak kepada orang itu.

JADUAL (perenggan 2)

ORANG YANG DIKECUALIKAN

Mana-mana orang yang —

- (a) menjadi ahli kumpulan bersama penandaan dan pengukuran sempadan Negara Brunei Darussalam-Malaysia bagi sempadan darat antarabangsa di antara Negara Brunei Darussalam — Malaysia;
- (b) memiliki suatu kad pengenalan yang sah yang dikeluarkan oleh Pengarah Projek Bersama;

- (c) semasa menjalankan kewajipannya sebagai ahli tersebut, memasuki atau meninggalkan Negara Brunei Darussalam dengan jalan darat di sempadan di antara Negara Brunei Darussalam dan Sarawak bagi maksud projek bersama penandaan dan pengukuran sempadan.

Diperbuat pada hari ini 16 haribulan Syawal, Tahun Hijrah 1434 bersamaan dengan 24 haribulan Ogos, 2013 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM